

Harris jelas soal Othman

KOTA KINABALU, Khamis — Parti Berjaya meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggantikan Datuk Pengiran Othman Rauf dengan Datuk Dr James Ongkili dalam Kabinet Persekutuan kerana bekas Menteri Wilayah Persekutuan itu "gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam semua bidang tanggungjawabnya."

Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh menjelaskan hari ini, sejak perlintikannya sebagai calon Berjaya di dalam Kerajaan Persekutuan pada tahun 1976, Datuk Pengiran Othman tidak dapat memenuhi hasrat dan kehendak parti dan negeri Sabah.

Bellau berkata, tugas Datuk Pengiran Othman dalam Kerajaan Persekutuan ialah untuk membantu meningkatkan imej Berjaya dan Sabah dengan menyebarkan maklumat yang betul mengenai parti dan negeri dan menghapuskan segala salah faham yang mungkin timbul dari mana-mana pihak.

Tidak berubah

"Bellau sepatutnya menggunakan peluang itu untuk menimbulkan masalah-masalah mengenai negeri ini dan rakyat dengan harapan menyelesaikannya dengan segera.

"Adalah sepatutnya juga menjadi tugas beliau menemui pemimpin-pemimpin Berjaya yang melawat ibu negara bagi bertukar-tukar pendapat, memimpin mereka mengenai pemikiran Kerajaan Persekutuan khususnya yang menjejaskan Sabah dan dalam masa yang sama mendapatkan maklumat terakhir mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di Sabah," katanya dalam satu sidang akhbar, di sini.

Tetapi, Datuk Harris kesal Datuk Pengiran Othman gagal memenuhi hasrat dan kehendak Berjaya itu.

Ketua Menteri itu menegaskan bahawa apabila Berjaya meminta Datuk Pengiran Othman digantikan sebagai Menteri Persekutuan, "masalahnya adalah dengan Berjaya dan bukan dengan

saya dan kedudukan itu kekal tidak berubah." Menurutny, soal tindakan disiplin adalah urusan Jawatankuasa Disiplin Berjaya.

Dalam kenyataannya, Datuk Harris juga memberikan beberapa lagi alasan tentang permintaan Berjaya menggantikan Datuk Pengiran Othman dan antaranya ialah, semasa beliau bertugas di Kuala Lumpur, Datuk Pengiran Othman berbuat hanya sedikit sahaja untuk memajukan kepentingan Sabah.

"Ketika menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau mempunyai banyak peluang untuk membantu Sabah di bidang pembangunan dengan memperbaiki keadaan kekurangan tenaga mahir yang terlatih di sektor awam.

"Beliau mengetuai operasi 'Isi Penuh' yang bertujuan mengisi jawatan-jawatan kosong di dalam kerajaan. Tetapi, apakah yang telah beliau lakukan untuk memperbaiki keadaan kekurangan lebih 4,000 jawatan penting di berbagai Jabatan Kerajaan Negeri," tanyanya.

Menurut Datuk Harris, Datuk Pengiran Othman juga tidak memajukan kea Skim Perguruan Bersatu (UTS) guru-guru di Sabah yang sejak 19 tahun berjuang untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai kakitangan awam yang tetap dan berpenen.

"Bellau juga gagal membentangkan kes Sabah dengan memuahkan kepada Kerajaan Persekutuan dalam mendapatkan bantuan di lain-lain bidang pembangunan, menyebabkan kerajaan negeri terpaksa mengemukakan dari Kota Kinabalu, sedangkan Datuk Pengiran Othman berada di Kuala Lumpur," ujarnya.

"Ini bukanlah satu perkara perselisihan peribadi antara kami. Saya tidak menaruh apa-apa dendam terhadap Datuk Pengiran Othman secara peribadi. Beliau tidak melakukan apa-apa kesalahan terhadap saya secara peribadi dan saya tidak pernah meminta beliau memohon maaf," tegasnya.

Mengenai pencalonan Datuk Ongkili, Datuk Harris berkata, beliau yakin bekas Timbalan Ketua Menteri itu akan dapat mewujudkan hubungan yang lebih baik bagi pihak Berjaya dan Kerajaan Negeri dengan pemimpin-pemimpin Persekutuan dan lain-lain pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Katanya, "setelah tujuh tahun menjadi timbalannya di dalam Berjaya dan Kerajaan Negeri, Datuk Ongkili tahu apakah masalah-masalah kami dan akan dapat mewakili kepentingan-kepentingan negeri dengan lebih berkesan dalam Kerajaan Persekutuan."